**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NASIONAL**

*Pemulihan COVID-19*

# Malaysia terus catat sifar kes tempatan

## Enam kes import babit lima rakyat tempatan, seorang warga asing

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia terus merekodkan sifar kes bagi penularan tempatan COVID-19 dan hanya enam kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes baharu itu membabitkan lima rakyat Malaysia dan seorang warga asing berstatus pemastautin tetap.

"Tiada pertambahan kes kematian akibat COVID-19 dilaporkan hari ini (semalam), menjadikan jumlah kumulatifnya kekal 121 kes iaitu 1.39 peratus daripada keseluruhan kes.

"Sebanyak 13 kes pulih dan dibenarkan discaj hari ini, menjadikan jumlah kumulatifnya 8,499 kes iaitu 97.9 peratus daripada keseluruhan kes," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan kluster syarikat pembersihan Kuala Lumpur diisytiharkan tamat.

Katanya, ia antara kluster tempat kerja COVID-19 dikenal pasti melalui hasil saringan ke atas 10 pekerja asing.

Katanya, saringan itu adalah inisiatif majikan syarikat terbabit terhadap pekerja asing mereka.

"Seramai 33 orang, masing-masing 16 rakyat tempatan dan 17 pekerja asing menjalani saringan sehingga 9 Julai lalu.

"Daripada jumlah ini, empat kes positif COVID-19 dikesan, masing-masing tiga pekerja syarikat dan seorang kontak rapat dan semuanya adalah warga Indonesia.

"KKM ingin mengucapkan terima kasih atas kerjasama majikan dalam usaha memutuskan rantaian penularan jangkitan COVID-19," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, empat kluster tempat kerja lain masih aktif di negara ini membabitkan kluster Tapak Pembinaan Kuala Lumpur 2, kluster Pedas, kluster syarikat pembersihan dan kluster tapak pembinaan Kuching, Sarawak.

> *Majikan harus menjalankan pemantauan bagi memastikan pematuhan terhadap SOP bagi mengelak penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja dan komuniti.*
>
> ***Dr Noor Hisham Abdullah,*** *Ketua Pengarah Kesihatan*

"Keseluruhan, seramai 10,362 orang sudah disaring dalam semua kluster ini, masing-masing 4,242 rakyat tempatan dan 6,120 warga asing setakat jam 12 tengah hari tadi (semalam).

"Jumlah keseluruhan kes positif dikesan dalam kluster berkenaan adalah 722, merangkumi 122 rakyat tempatan dan 600 warga asing," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, majikan bagi industri yang menggunakan ramai tenaga kerja, termasuk warga asing bertanggungjawab memastikan pekerjanya sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan mengamalkan langkah pencegahan di tempat kerja.

Katanya, majikan harus menjalankan pemantauan bagi memastikan pematuhan terhadap SOP bagi mengelak penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja dan komuniti.

"Antara amalan wajar dilaksanakan adalah pemeriksaan suhu badan dan gejala sebelum memasuki tempat kerja, penyediaan tempat mencuci tangan atau cecair pembasmi kuman serta kerap melaksanakan proses pembersihan dan pembasmian kuman, terutama ruang guna sama.

"Selain itu, amalan jarak sosial selamat iaitu sekurang-kurangnya satu meter, termasuk di ruang kerja dan makan atau ketika bertutur, pastikan pekerja tidak berkumpul di ruang sempit serta mengelak terlalu ramai pekerja bersama pada satu masa," katanya.



***Dr Adham merasmikan*** *majlis pecah tanah Projek Kuarters Kakitangan Kesihatan di Membidai, Labuan, semalam.* (Foto BERNAMA)

# 'Patuhi SOP, elak wujud kluster sekolah'

**Kota Kinabalu:** Pembukaan semula sesi persekolahan secara berperingkat mulai 15 Julai ini dilihat sebagai satu lagi ujian besar perlu dihadapi Kementerian Kesihatan (KKM), dalam usaha mengekang penularan COVID-19.

Sehubungan itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berharap semua pihak berperanan secara proaktif bagi mengelak terbentuk kluster sekolah membabitkan jangkitan COVID-19.

"Kita tidak mahu ada kluster sekolah, maka pematuhan kepada apa yang digariskan dalam kebiasaan baharu ini perlu dititikberatkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, di Pusat Pentadbiran Negeri Sabah (PPNS) di sini, semalam.

Dr Adham berkata, pihak berkenaan perlu melakukan pemantauan berterusan bagi memastikan keselamatan pelajar, guru dan mereka berkenaan terjamin.

Pada majlis berasingan di Labuan, *BERNAMA* melaporkan, kuarters kakitangan penjagaan kesihatan Labuan berharga RM27.51 juta akan mula dibina tahun ini dan dijadual siap pada 2023.

Projek di kawasan berkeluasan 3.24 hektar di Membedai, Jalan Tanjung Teras, terletak dalam pekarangan kuarters Jabatan Kesihatan Labuan, akan menyediakan persekitaran kediaman yang lebih kondusif bagi pekerja penjagaan kesihatan.

Dr Adham berkata, kerajaan prihatin terhadap keperluan barisan hadapan untuk mempunyai kediaman berhampiran tempat kerja mereka.

Projek itu merangkumi empat unit rumah berkembar kelas D, satu blok pangsapuri lima tingkat dengan 18 unit (Blok F) dan satu blok pangsapuri lima tingkat dengan 16 unit (Blok G).

"Kementerian menyedari peranan Jabatan Kesihatan Labuan menangani masalah kesihatan dan pegawainya yang komited memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan lebih baik kepada orang ramai," katanya pada majlis pecah tanah projek itu di Membedai, semalam.



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : LOKAL



TINJAUAN di Kuching menunjukkan tahap kesedaran orang ramai mengenai wabak Covid-19 masih tinggi ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dengan memakai pelitup muka serta penjarakan sosial. Kakitangan Klinik Kesihatan Kerajaan Jalan Masjid mengambil bacaan suhu pengunjung.

# Kes lokal kekal sifar

*Enam kes baharu babitkan kes import dilaporkan semalam*




Oleh Saipul Adli Mohamad dan Nurul Hidayah Bahaudin
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Terdapat 13 kes pulih dan dibenarkan discaj daripada hospital dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), setakat 12 tengah hari, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah kumulatif kes pulih terus meningkat kepada 8,499 kes dengan kadar kesembuhan 97.9 peratus.

Beliau berkata, enam kes baharu jangkitan Covid-19 dilaporkan, semalam dan merekodkan 8,683 kes positif keseluruhan.

**8,683**
Jumlah kes positif keseluruhan

"Semua enam kes baharu itu membabitkan kes import yang mendapat jangkitan di luar negara iaitu lima warganegara Malaysia dan seorang bukan warganegara yang juga pemastautin tetap.

"Sukacita dimaklumkan, tiada kes penularan di dalam negara.

"Sehubungan itu, kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 terus berkurangan kepada 63 kes dan mereka sudah diasingkan serta diberi rawatan," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

## Kluster syarikat pembersihan diisytihar tamat

**Kuala Lumpur:** Kluster Syarikat Pembersihan Kuala Lumpur diisytiharkan tamat semalam menjadikannya antara 11 daripada 15 kluster tempat kerja yang tamat penularan Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, terdapat empat kluster yang masih aktif ketika ini membabitkan Kluster Tapak Pembinaan Kuala Lumpur 2, Kluster Pedas, Kluster Syarikat Pembersihan dan Kluster Tapak Pembinaan Kuching.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam) seramai 10,362 orang disaring dalam kesemua kluster ini. Daripada jumlah itu, 4,242 orang adalah warga tempatan, manakala 6,120 orang pula warga asing.

"Jumlah keseluruhan kes positif yang dikesan dalam semua kluster ini adalah 722 kes membabitkan 122 warga tempatan dan 600 orang pula warga asing," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 9**
**RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19**

# 15 kluster tempat kerja dikesan

*Syarikat pembersihan Kuala Lumpur antara 11 kluster diisytihar tamat*

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

**PUTRAJAYA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 15 kluster jangkitan koronavirus (Covid-19) yang disenaraikan di bawah kluster tempat kerja.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 11 kluster telah diisytiharkan tamat termasuk kluster syarikat pembersihan Kuala Lumpur yang tamat semalam.

"Kluster syarikat pembersihan Kuala Lumpur merupakan yang pertama dikesan membabitkan kluster tempat kerja," katanya.

Menurutnya, empat kluster tempat kerja masih aktif iaitu kluster tapak pembinaan Kuala Lumpur 2, kluster Pedas, kluster syarikat pembersihan dan kluster tapak pembinaan Kuching.

"Sebanyak 436 kes disahkan positif daripada empat kluster berkenaan termasuk 16 rakyat tempatan," katanya.

Beliau berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, seramai 10,362 orang telah disaring dalam semua kluster tempat kerja.

"Jumlah keseluruhan kes positif yang dikesan dalam kluster-kluster ini adalah 722 kes yang melibatkan 122 warga tempatan dan 600 warga asing," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, warga Bangladesh paling ramai dijangkiti dalam kluster tersebut dengan 234 kes positif dilaporkan.

"Ia diikuti dengan warga Nepal (212 kes), warga Indonesia (109 kes), warga Myanmar (36 kes), tujuh warga India dan masing-masing satu kes melibatkan warga Kemboja dan Vietnam," katanya.

Katanya, bagi industri yang menggunakan banyak tenaga kerja termasuk warga asing, majikan bertanggungjawab untuk memastikan pekerja mereka sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) selain mengamalkan langkah-langkah pencegahan di tempat kerja.

Dalam pada itu, beliau berkata, tiada kes positif Covid-19 membabitkan penularan tempatan buat kali ketiga selama dua hari berturut-turut.

"Hanya enam kes positif Covid-19 dikesan melibatkan kes import.

"Tiga kes dikesan menerima jangkitan dari Indonesia, Singapura dua kes dan satu kes dari Mesir membabitkan lima rakyat tempatan dan seorang warga asing yang memasuki negara ini," katanya.

Menurutnya, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif positif Covid-19 sebanyak 8,683 kes.

"Hanya 63 kes masih menerima rawatan di hospital manakala dua pesakit sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 13 kes telah pulih dan dibenarkan pulang semalam.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih sepenuhnya adalah 8,499 iaitu bersamaan 97.8 peratus," katanya.



Jumlah kumulatif kes yang dirawat di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19, MAEPS di Serdang.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEWS/ NATION

SIX NEW CASES

# KL cleaning company Covid-19 cluster ends

**KUALA LUMPUR:** The Kuala Lumpur cleaning company Covid-19 cluster has officially ended.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, in a statement, said 33 people from the cluster were screened for the virus, comprising 16 Malaysians and 17 foreigners.

"Of the total, four positive cases were detected. Three of them are workers and one close contact. All of them are Indonesians.

"The cluster was first detected following a screening of the company's 10 foreign workers, an initiative by the employer. The Health Ministry would like to thank the employer in its efforts to break the chain of Covid-19 infections."

He said 10 other clusters had also ended. They are the I.N. cluster, KL Construction Site, Engineering, Kajang Market, Cheras Security Guards, Setia Alam Construction Site, Chow Kit Market, Maran Wood Factory, Bera Farm and Jalan Maran Construction Company.

At present, there are four active Covid-19 workplace clusters. They are the Kuala Lumpur Construction Site 2 (354 people screened, 73 positive cases), Pedas (960 screened, 326 positive cases), Cleaning Cluster (379 screened, 34 positive cases) and Kuching Construction Site (315 screened, three positive cases).

Up to noon yesterday, a total of 10,362 people from the clusters had been screened for Covid-19.

"Of the total, 4,242 were Malaysians (40.9 per cent) and 6,120 foreigners (59.1 per cent), with 722 positive cases recorded comprising 122 Malaysians (16.9 per cent) and 600 foreigners (83.1 per cent)."

They are from Bangladesh (234), Nepal (212), Indonesia (109), Myanmar (36), India (seven), Cambodia (one) and Vietnam (one).

Dr Noor Hisham reminded employers to ensure that workers, especially those in sectors involving foreign labour, abide by the standard operating procedures (SOP) and practise preventive measures against Covid-19 at the workplace.

"Employers should carry out checks to ensure that these practices are followed by the workers. This is to prevent a Covid-19 spread among them and in the community," he said.

Meanwhile, 13 more Covid-19 patients had recovered and were discharged yesterday, the statement said.

It said the overall number of patients who had recovered stood at 8,499 (97.8 per cent of the cumulative 8,683 confirmed cases of Covid-19).

There are 63 active cases in the country. Two of them are being treated in the Intensive Care Unit, with one requiring breathing assistance.

Up to noon yesterday, six new Covid-19 cases were recorded, all of which were imported, it said.

"Five are Malaysians and the other is a foreigner who has a permanent resident status."

The patients were travellers returning from Indonesia (three), Singapore (two) and Egypt (one).

No new deaths have been reported, with the death toll remaining at 121 (1.39 per cent of the cumulative cases).

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

## Covid-19: Current situation globally

*(As of 7pm July 9, 2020)*

| Malaysia | New cases | Total cases | Total deaths | Total recovered |
|---|---|---|---|---|
| | 6 | 8,683 | 121 | 8,499 |

| Asean+ | China | Indonesia | Philippines | Singapore | Japan | S. Korea | Thailand | Vietnam | Myanmar | Brunei | Cambodia | Laos |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 83,581 | 70,736 | 51,754 | 45,423 | 20,174 | 13,293 | 3,202 | 369 | 317 | 141 | 141 | 19 |
| Deaths | 4,634 | 3,417 | 1,314 | 26 | 980 | 287 | 58 | 0 | 6 | 3 | 0 | 0 |
| Recovered | 78,590 | 32,651 | 12,813 | 41,323 | 17,331 | 12,019 | 3,085 | 347 | 250 | 138 | 131 | 19 |

| Global Top 10 | US | Brazil | India | Russia | Peru | Chile | Spain | UK | Mexico | Iran |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 3,159,514 | 1,716,196 | 771,833 | 707,301 | 312,911 | 303,083 | 299,593 | 286,979 | 275,003 | 250,458 |
| Deaths | 134,873 | 68,055 | 21,174 | 10,843 | 11,133 | 6,573 | 28,396 | 44,517 | 32,796 | 12,305 |
| Recovered | 1,393,256 | 1,152,467 | 477,685 | 481,316 | 204,748 | 271,703 | N/A | N/A | 167,795 | 212,176 |

# 'Get foreign workers tested'

## Only a fraction of 2.3 million have been sent for testing

By ASHLEY TANG
ashleytang@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Employers are encouraged to send more foreign workers for Covid-19 test as only a fraction of some 2.3 million registered foreign workers have been tested, say industry players.

It was reported that 33,613 foreign workers have undergone Covid-19 screening; of these, 40% are from the construction sector.

Currently, there are about 2.3 million registered foreign workers in Malaysia while an estimated three million illegal migrants work in the country.

Federation of Malaysian Manufacturers president Tan Sri Soh Thian Lai said it was never made mandatory for foreign workers in the manufacturing sector to get tested prior to being allowed to return to work.

"As such, the decision to get workers tested for manufacturing companies depends on their operational needs and risks," he said.

Despite this, Soh said businesses were still encouraged to send their workers for testing.




He noted that the Health Ministry had approved clinics and hospitals nationwide for the screening of Covid-19, making it more conducive for companies to get their workers tested.

In addition, under Penjana (National Economic Recovery Plan), the government had announced a tax deduction for expenses incurred from Covid-19 testing, he said.

Malaysian Employers Federation executive director Datuk Shamsuddin Bardan opined that Covid-19 testing had caused a lot of confusion and concern among employers due to the government's "flip-flop policy" in terms of who had to bear the cost of testing, where the testing was done, and even the type of testing.

However, he said testing legal foreign workers was not an issue as they were contributing to the Social Security Organisation (Socso) but testing the undocumented ones was.

"Covid-19 has been recognised as one of the employment diseases so anything that has got to do with the costing of treatment or testing can be claimed from Socso.

"But those who are employing illegal foreign workers will not send their workers to be tested as it will get them into trouble.

"Why should they (send the workers for Covid-19 testing) as there is actually no record of the workers here? Once you approach the government to do the testing, and if they are tested positive, it will become an issue.

"If you are employing an illegal, as an employer, you can be caught and charged under the law," he said.

Meanwhile, Malaysian Public Health Physicians' Association president Datuk Dr Zainal Ariffin Omar said the current number of foreign workers tested was "just a very small proportion" out of the estimated foreign workers' population in the country.

Dr Zainal said the documented and undocumented workers were involved in wide multisectoral industries nationwide, adding that the true picture of the community infection was still not established.

Thus, he said, the Covid-19 testing targeted at construction sites did not "adequately represent the multisectoral industries".

"The number of foreign workers tested should be increased in the region of hundreds of thousands," he said.

"The sectors should also be widened throughout the country, especially to include the hospitality industry, restaurants and food outlets, supermarkets and shopping malls, because of their nature of business with close interaction with the public," he added.

# Six imported cases recorded with zero local transmissions

By MARTIN CARVALHO
mart3@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysia recorded six new Covid-19 cases with no local transmission, taking the total number of infections in the country to 8,683.

Of the six imported cases, five Malaysians and a permanent resident were infected with the virus abroad, said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah in a statement yesterday.

Dr Noor Hisham also said 13 more Covid-19 patients had been discharged, which means 8,499 or 97.9% have recovered since the outbreak started.

There are now only 63 active cases being treated at health facilities nationwide.

At present, Dr Noor Hashim said that two Covid-19 patients were being treated in the intensive care unit (ICU) with one requiring ventilator support.

He announced that no new deaths were recorded, which means the death toll remains at 121 cases or 1.39%.

Dr Noor Hashim announced the end of the Covid-19 cluster involving cleaning contractors in Kuala Lumpur.

He said the cluster was first detected on March 24, following the company's initiative to screen their workers.

"As of July 9, he said the company had screened 33 workers involving 16 locals and 17 foreigners," he added.

Of this, Dr Noor Hashim said that three workers and a close contact, all Indonesians, tested positive for the virus.

Dr Noor Hashim said that this meant that 11 out of the 15 clusters detected at workplaces had ended.

He said there were still four remaining active workplace clusters.

He added that a total of 10,362 individuals were screened out of the 15 clusters as of July 9.

Of this, he said 722 had tested positive for the virus comprising 122 locals, 234 Bangladeshi, 212 Nepalese, 109 Indonesians, 36 Myanmar, seven Indian nationals and one Cambodian and Vietnamese.

On Wednesday, Dr Noor Hashim officially announced the end of the largest and deadliest Covid-19 cluster involving the Sri Petaling tabligh gathering.

The first cases involving this cluster was on March 11 where a total of 42,023 individuals were screened with 3,375 testing positive for the virus.